



KUMPULAN WANG AMANAH NEGARA

LAPORAN TAHUNAN
2016

BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2016

KANDUNGAN

3	Perutusan Pengerusi
5	Ahli-Ahli Panel
11	Maklumat Latar Belakang
12	Laporan Pengurus Dana
15	Prestasi dan Kedudukan Kewangan
18	Pengurusan Risiko
	Penyata Kewangan Yang Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016:
19	▶ Laporan Ketua Audit Negara
21	▶ Penyata Ahli Panel
22	▶ Pengakuan oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan
23	▶ Penyata Kedudukan Kewangan Yang Disatukan
24	▶ Penyata Prestasi Kewangan Yang Disatukan
25	▶ Penyata Perubahan Dana Terkumpul Yang Disatukan
26	▶ Penyata Aliran Tunai Yang Disatukan
27	▶ Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

KEPERLUAN BERKANUN

Mengikut peruntukan Seksyen 11 dan 12 Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988, Panel Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) telah mengemukakan kepada YAB Menteri Kewangan satu naskah Laporan Tahunan ini berserta dengan satu salinan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 yang telah diperiksa dan disahkan oleh Ketua Audit Negara.

PERUTUSAN Pengerusi

Pada tahun 2016, ekonomi dunia mencatat perkembangan sebanyak 2.3% yang merupakan kadar paling perlahan semenjak Krisis Kewangan Global tahun 2008. Keadaan ini berikutan aktiviti pelaburan yang lembab dalam kebanyakan ekonomi, di samping turun naik harga komoditi global yang berterusan berikutan suasana politik dan dasar yang tidak menentu dalam ekonomi utama. Pendirian dasar kewangan bagi kebanyakan negara adalah lebih akomodatif berikutan pertumbuhan yang terus lembab.

Di Amerika Syarikat, Bank Simpanan Persekutuan (the Federal Reserve) mengambil langkah menyelaraskan semula kadar faedah ke paras yang wajar secara lebih beransur-ansur dengan menaikkan kadar faedah sekali sahaja iaitu sebanyak 25 mata asas kepada 0.75% pada bulan Disember 2016. Kebanyakan ekonomi di Asia melaksanakan gabungan langkah fiskal dan kewangan selain pembaharuan struktur bagi meningkatkan daya tahan dan pertumbuhan ekonomi. Matlamat untuk mencapai pemulihan yang mampan terus menjadi sukar bagi kebanyakan ekonomi, manakala kadar inflasi kekal di bawah sasaran bagi kebanyakan bank pusat utama.

Meskipun menghadapi persekitaran ekonomi yang mencabar, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.2% pada tahun 2016 berikutan perbelanjaan domestik, terutamanya daripada sektor swasta, yang telah mengimbangi penurunan dalam eksport. Walaupun permintaan global lemah, kedudukan luaran Malaysia kekal berdaya tahan, disokong oleh rizab antarabangsa yang lebih daripada mencukupi dan paras hutang yang terurus. Dasar kewangan Bank Negara Malaysia kekal akomodatif dan menyokong aktiviti ekonomi sepanjang tahun 2016.

Pada tahun 2016, nilai aset Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) meningkat 6% ke RM16.4 bilion dari RM15.5 bilion pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini adalah berikutan jumlah pendapatan komprehensif sebanyak RM798 juta serta sumbangan daripada PETRONAS sebanyak RM100 juta. Sebahagian besar daripada pendapatan komprehensif terdiri daripada pendapatan kupon dan dividen sebanyak RM424 juta, keuntungan daripada penilaian semula tukaran matawang asing sebanyak RM186 juta dan perkongsian keuntungan daripada syarikat bersekutu sebanyak RM157 juta.

Mesyuarat Panel KWAN telah diadakan sebanyak dua kali pada tahun 2016, iaitu pada 28 Mac dan 20 Julai, untuk mengkaji dan membincangkan prestasi keseluruhan dana KWAN dan menentukan hala tuju pelaburan dana. Usaha turut dilaksanakan secara berterusan bagi memperluas skop pelaburan dana KWAN untuk mempelbagaikan kelas aset dan meningkatkan pulangan.

Sejak penubuhannya pada tahun 1988, PETRONAS merupakan penyumbang tunggal dana KWAN, dengan sumbangan terkumpul sebanyak RM9.1 bilion sehingga tahun 2016. Bagi memastikan kemampanan KWAN, Panel KWAN telah mengambil pelbagai langkah untuk memperluas sumber dana dengan menggalakkan sumbangan daripada organisasi-organisasi lain, terutamanya daripada organisasi-organisasi yang mendapat manfaat daripada aktiviti-aktiviti komersial yang berkaitan dengan sumber asli.

Prospek ekonomi bagi tahun 2017 kekal mencabar berikutan kesan jangka panjang dasar utama dan perubahan sosiopolitik pada tahun 2016. Meskipun Bank Dunia menjangkakan pertumbuhan dunia akan meningkat daripada 2.3% pada tahun 2016 kepada 2.7% pada tahun 2017 dan perdagangan global beransur pulih, namun masih terdapat banyak risiko luaran. Pasaran dijangka tidak menentu disebabkan kenaikan kadar faedah AS serta ketidakpastian politik, geopolitik dan dasar. Sehubungan dengan itu, ketidakpastian dalam pasaran kewangan memerlukan tindakan yang lebih pantas dan pragmatik dalam menilai semula kekuatan dan kelemahan pengurusan dana KWAN bagi meningkatkan daya ketahanan dana.

Dalam konteks ini, Panel akan terus memperkukuh inisiatif ke arah meningkatkan saiz dana KWAN dengan penambahan sumber sumbangan, meningkatkan kadar pulangan pelaburan dan mengukuhkan tadbir urus di dalam pengurusan dana.

DATUK WAN ZULKIFLEE WAN ARIFFIN

AHLI-AHLI PANEL

**PENGERUSI**

YBhg Datuk Wan Zulkiflee Wan Ariffin

**TIMBALAN PENERUSI**

YBhg Dato' Siti Zaayah Md Desa

**AHLI PANEL**

YBhg Tan Sri Amirsham A Aziz

**AHLI PANEL**

YBhg Datuk Muhammad Ibrahim

**AHLI PANEL**

YBhg Datuk Seri Dr Rahamat Bivi Yusoff

**SETIAUSAHA**

Puan Nuraini Ismail



PENGERUSI

YBhg Datuk Wan Zulkiflee Wan Ariffin, warganegara Malaysia, memegang Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia daripada University of Adelaide, South Australia. Pada tahun 2000, beliau telah menghadiri INSEAD Senior Management Development Program, dan pada tahun 2004, Advanced Management Program di Harvard Business School. Beliau juga telah dianugerahkan Felo Kehormat oleh Institution of Chemical Engineers, United Kingdom pada bulan November 2005.

Beliau memulakan kerjaya di PETRONAS pada tahun 1983 sebagai seorang Jurutera Proses dan terlibat dalam melopori pembangunan beberapa buah Loji Pemprosesan Gas. Pada tahun-tahun berikutnya, beliau telah memegang beberapa jawatan di dalam Kumpulan PETRONAS, antaranya berkhidmat di Pejabat Presiden sebagai Pembantu Eksekutif kepada Presiden, Pengurus Besar, Bahagian Pengurusan Projek Antarabangsa, OGP Technical Services, dan Pengurus Besar, Unit Strategi dan Pembangunan Perniagaan. Beliau kemudiannya menyandang jawatan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS Gas Berhad, sebuah anak syarikat milik PETRONAS yang tersenarai di Bursa Malaysia (dahulunya dikenali sebagai Bursa Saham Kuala Lumpur) dari tahun 2003 hingga 2007 dan dilantik sebagai Naib Presiden Urusniaga Gas PETRONAS dari tahun 2006 hingga 2010.

Pada tahun 2012, beliau telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi PETRONAS, di samping menjadi Naib Presiden Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Urusniaga Hiliran PETRONAS. Pada masa yang sama, beliau juga memegang jawatan Pengerusi PETRONAS Chemicals Group Berhad dan PETRONAS Dagangan Berhad.

Pada bulan April 2015, Datuk Wan Zulkiflee telah dilantik sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PETRONAS.

Beliau juga merupakan Ahli Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), merangkap Pengerusi Jawatankuasa Audit ECERDC. Beliau juga merupakan Pengerusi bagi Kumpulan Wang Amanah Negara, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Razak School of Government, Penasihat Industri kepada Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia, ahli Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global Malaysia dan ahli Majlis Penasihat Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).



TIMBALAN PENERUSI

YBhg Dato' Siti Zauyah Md Desa ialah Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan Malaysia.

Beliau memulakan kerjaya sebagai Juru Ukur di Jabatan Kerja Raya Malaysia dari 1982–1983 selepas menamatkan pengajian daripada University of Reading, United Kingdom dan seterusnya menyandang beberapa jawatan di institusi pengajian tinggi dan sektor swasta. Beliau memperolehi Diploma Pentadbiran Awam daripada Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) pada 1989 dan berkhidmat di Kementerian Kewangan (MOF) sebagai Penolong Setiausaha di Bahagian Perolehan Kerajaan dari 1989–1993. Seterusnya beliau mengikuti Kursus Sarjana Pentadbiran Perniagaan di University of Manchester, United Kingdom.

Sekembali dari United Kingdom, beliau meneruskan perkhidmatan di MOF sebagai Penolong Setiausaha di Bahagian Analisa Cukai dan Bahagian Pengurusan Pinjaman sebelum dilantik sebagai Ketua Penolong Setiausaha pada 2001. Pada 2003–2006, beliau dipinjamkan kepada Asian Development Bank, Manila, Filipina sebagai Penasihat Pengarah. Sekembalinya ke tanahair, beliau terus berkhidmat di MOF dan pada April 2008 dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Bahagian Pelaburan, MKD dan Penswastaan dan dinaikkan pangkat ke Setiausaha Bahagian Pengurusan Pinjaman pada November 2012 dan kemudian memegang jawatan Setiausaha Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan pada 13 Januari 2014. Pada 12 Disember 2014, beliau dilantik sebagai Pengarah Belanjawan Negara dan seterusnya ke jawatan terkini pada 2 Februari 2016.

YBhg Dato' Siti Zauyah juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation, Majlis Amanah Rakyat, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Felda Global Ventures Holdings Berhad, Felda Holdings Berhad, Pengurusan Aset Air Berhad, Malaysian Digital Economy Corporation Sdn Bhd, Bintulu Port Holdings Berhad, Samalaju Industrial Port Sdn Bhd, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan).



AHLI PANEL

YBhg Datuk Muhammad Ibrahim ialah Gabenor Bank Negara Malaysia yang dilantik pada bulan Mei tahun 2016. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Dasar Monetari dan Jawatankuasa Kestabilan Kewangan Bank Negara Malaysia.

Dengan berkhidmat lebih daripada tiga dekad di bank pusat, beliau mempunyai pengalaman luas yang meliputi pelbagai bidang, termasuk pengawalan dan penyeliaan perbankan, perancangan strategik, sistem pembayaran, insurans, perbankan luar pesisir, perbendaharaan dan pasaran kewangan. Sebelum dilantik sebagai Gabenor, beliau merupakan Timbalan Gabenor yang bertanggungjawab bagi pembangunan pasaran kewangan, pelaksanaan dasar monetari dan pengurusan rizab. Beliau juga mengawasi pembangunan sektor perbankan dan insurans, termasuk kewangan Islam.

Pada peringkat antarabangsa, Gabenor Muhammad kini merupakan Pengerusi Global Standards and Policy Committee of the Alliance for Financial Inclusion. Jawatankuasa ini berperanan menasihati badan penetap piawaian antarabangsa dalam usaha memajukan agenda global rangkuman kewangan. Beliau juga ialah Pengerusi bagi Irving Fisher Committee on Central Bank Statistics, Bank for International Settlements dari tahun 2012-2014. Sebagai Pengerusi, beliau telah mengukuhkan kerjasama dengan institusi statistik antarabangsa yang lain. Beliau merupakan ahli United Nations Advisor Group on Inclusive Financial Sectors, iaitu kumpulan kerja yang dipengerusikan oleh Baginda Permaisuri Máxima.

Di dalam negara, Gabenor Muhammad kini merupakan Pengerusi Institut Kewangan Asia, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan, pemegang amanah bagi Kumpulan Wang Amanah Negara dan ahli lembaga pengarah PETRONAS. Beliau juga pernah memegang jawatan Pengarah Urusan Danamodal Nasional Berhad dan mantan Pesuruhjaya Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Gabenor Muhammad berkelulusan lepasan ijazah daripada Universiti Harvard dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau juga Felo bagi Asian Institute of Chartered Bankers dan ahli Malaysian Institute of Accountants.



AHLI PANEL

YBhg Tan Sri Amirsham A Aziz ialah Pengerusi Bursa Malaysia Bhd, Malaysian Investment Development Authority (MIDA) dan Themed Attractions Resorts & Hotels Sdn Bhd.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank, kumpulan perkhidmatan kewangan terbesar di Malaysia selama 14 tahun dari tahun 1994 hingga 2008. Diantara 18 Mac 2008 hingga 9 April 2009 beliau telah dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan bertanggungjawab bagi Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Jabatan Perangkaan (DOS). Pada 1 Jun 2009, YBhg Tan Sri Amirsham telah dilantik sebagai Pengerusi Majlis Tindakan Ekonomi Negara dimana beliau berkhidmat sehingga 31 Mei 2011.

YBhg Tan Sri Amirsham juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah PETRONAS, RAM Holdings Berhad, Samling Global Limited, Bermuda dan CapitalLand Limited, Singapore.

YBhg Tan Sri Amirsham memiliki Ijazah Kepujian dalam bidang Ekonomi dari Universiti Malaya. Beliau juga adalah seorang Akauntan Awam Bertauliah dan merupakan ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA).



AHLI PANEL

YBhg Datuk Seri Rahamat Bivi Yusoff yang kini berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri memulakan kerjaya beliau sebagai Penolong Setiausaha (Bahagian Cukai) di Kementerian Kewangan Malaysia.

YBhg Datuk Seri Dr Rahamat Bivi juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah bagi beberapa agensi termasuk Suruhanjaya Penerbangan Malaysia, Suruhanjaya Persaingan Malaysia, Malaysia Nuclear Power Corporation, Ekuiti Nasional Berhad, Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Malaysia Rail Link Sdn Bhd, MyHSR Corporation dan MRT Corporation Sdn. Bhd. Beliau juga merupakan anggota majlis bagi empat (4) pihak berkuasa koridor pembangunan ekonomi di Malaysia.

YBhg Datuk Seri Dr Rahamat Bivi memegang Ijazah Sarjana Ekonomi dari University of Western Michigan, Amerika Syarikat dan Doktor Falsafah daripada Australia National University. Beliau juga memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Ekonomi) (Kepujian) dari Universiti Sains Malaysia dan menerima Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).



SETIAUSAHA

Puan Nuraini Ismail ialah Naib Presiden Perbendaharaan, PETRONAS.

Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah dan Ahli Jawatankuasa pelbagai syarikat dalam Kumpulan PETRONAS. Puan Nuraini memulakan kerjaya di PETRONAS pada tahun 1992. Beliau telah memegang pelbagai jawatan kanan dalam Kumpulan PETRONAS termasuk Pengurus Besar Kanan, Perbendaharaan Kumpulan PETRONAS, Pengurus Besar, Perkhidmatan Perakaunan & Kewangan dan Pengurus Besar, Perkhidmatan Komersial Malaysian International Trading Corporation (MITCO) Sdn Bhd.

Pengalaman beliau termasuk dalam bidang perbendaharaan, audit, cukai, kewangan korporat, perancangan korporat, kaedah dan sistem, perakaunan pengurusan dan kewangan, belanjawan kumpulan, penyatuan kumpulan, perdagangan kewangan, kawalan kredit, pemulihan pinjaman, penganalisa kewangan, operasi bank, logistik dan operasi dan pengurusan risiko.

Sebelum menyertai PETRONAS, beliau telah berkhidmat di dalam pelbagai organisasi termasuk Bank Bumiputra Malaysia Berhad, Bumiputra Merchant Bankers dan Mayban Finance Berhad. Puan Nuraini adalah Felo Association of Certified Chartered Accountants (ACCA) United Kingdom.

MAKLUMAT LATAR BELAKANG

Objektif dan tujuan

Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) telah ditubuhkan pada 18 Februari 1988 di bawah Akta KWAN 1988. Objektif penubuhan KWAN adalah untuk memastikan penggunaan optima hasil sumber-sumber asli Negara yang menyusut agar dapat memberi sumber pendapatan yang berterusan dan stabil demi faedah negara dan generasi akan datang.

Mengikut peruntukan Akta KWAN 1988, pihak-pihak yang wajar membuat sumbangan termasuklah Petroliam Nasional Berhad, negeri-negeri yang mendapat apa-apa bentuk royalti daripada eksploitasi petroleum atau sumber-sumber menyusut yang lain dan pihak yang terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan sumber-sumber alam semulajadi.

Penyeliaan dan pengurusan

Seperti yang termaktub di dalam Akta KWAN 1988, KWAN diselia oleh Panel Pemegang Amanah (Panel KWAN) yang dilantik oleh YAB Menteri Kewangan. Tanggungjawab pentadbiran dan pengurusan harian dana KWAN diamanahkan kepada Bank Negara Malaysia (BNM).

Penggunaan dana


Seksyen 6 Akta KWAN memperuntukkan penggunaan dana KWAN. Sehingga kini, jumlah dana yang telah digunakan adalah RM42 juta untuk membiayai Projek Malaysia Wetland Sanctuary di Ulu Langat (projek pemeliharaan tanah dan ekosistem).

LAPORAN PENGURUS DANA

SEJARAH PENCAPAIAN PELABURAN KWAN

Perluasan skop pelaburan


Ringkasan sejarah perluasan skop pelaburan sejak penubuhan KWAN adalah seperti tertera di bawah:-



Sejak penubuhannya, skop pelaburan dana KWAN telah diperluaskan dari masa ke semasa, selaras dengan peningkatan saiz dana, bagi meningkatkan lagi pulangan dan kepelbagaian dalam pelaburan.

Pertumbuhan saiz dana

Carta di bawah menunjukkan pencapaian pertumbuhan saiz aset (tidak termasuk bahagian keuntungan daripada syarikat bersekutu) sejak tahun 2002:-



Berdasarkan Penyata Kewangan 2016 yang telah diaudit, dana terkumpul KWAN (tidak termasuk bahagian keuntungan daripada syarikat bersekutu) setakat 31 Disember 2016 adalah sebanyak RM15.41 bilion iaitu peningkatan sebanyak RM0.79 bilion daripada RM14.62 bilion pada 31 Disember 2015. KWAN mencatat pertumbuhan nilai aset sebanyak 17.8%¹ pada tahun 2016 lebih rendah berbanding 28.0% pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan yang sedikit merosot ini didorong oleh sumbangan yang lebih rendah daripada PETRONAS sebanyak RM100 juta bagi tahun 2016 (2015: RM1.0 bilion); dan lebihan bagi tahun sebelum cukai yang lebih rendah sebanyak RM702.5 juta (2015: RM1,579.5 juta) yang didorong oleh kemerosotan keuntungan daripada penilaian semula pertukaran matawang asing sebanyak RM186.0 juta (2015: RM1,142.1 juta).

¹ Metodologi pengiraan prestasi adalah berdasarkan purata pertumbuhan saiz dana selama tiga tahun (perbezaan nilai aset) termasuk tahun yang berkenaan. Sebagai contoh, purata pertumbuhan saiz dana bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 diambil kira untuk pengiraan pertumbuhan dana untuk 2016.

PELABURAN DANA KWAN

Kelas-kelas aset pelaburan


Pelaburan KWAN adalah tertakluk kepada peruntukan Akta KWAN 1988 dan kelulusan Menteri Kewangan. Untuk melaksanakan peruntukan Akta KWAN dengan berkesan, Panel KWAN telah merangka dasar dan garis panduan untuk mengawalselia dan mengurus pelaburan KWAN. Strategi pelaburan dirangka berdasarkan jangkaan pendapatan yang bergantung kepada pandangan mikroekonomi dan makroekonomi terhadap pasaran dan kelas-kelas aset yang berkenaan.

Dana KWAN dilaburkan dalam pasaran tempatan dan luar negara menerusi pelbagai kelas aset dan matawang. Pelaburan luar negara adalah dalam matawang asing utama dan Asia serta bullion emas (yang telah dijual sepenuhnya dalam tahun 2016 bagi merealisasi keuntungan modal). Pelaburan dalam matawang asing adalah termasuk pelaburan dalam matawang Dolar Amerika, Euro, Paun Sterling, Dolar Australia, Dolar Singapura dan Dolar Hong Kong dan dalam tahun 2016, pelaburan baru telah dilaksanakan dalam matawang Yuan China (luar pesisir) dan Rupiah Indonesia.

Dana KWAN juga dilaburkan dalam simpanan tetap dan sekuriti terbitan kerajaan dan agensi kerajaan, supranasional, syarikat-syarikat korporat Malaysia yang teguh dan Dana Bon Asia. Dalam pasaran tempatan, pelaburan diperluaskan lagi ke dalam pasaran ekuiti melalui program pengurus dana luar dan pegangan saham dalam Putrajaya Holdings Sdn Bhd.

KWAN sentiasa membuat penilaian dan analisa ke atas pasaran dan kelas aset lain dalam usaha mempelbagaikan pelaburan untuk memperoleh kadar pulangan yang lebih tinggi.

Ringkasan skop pelaburan KWAN adalah seperti berikut:-



Pengurusan pelaburan dana


Bank Negara Malaysia bertanggungjawab ke atas aktiviti pengurusan pelaburan KWAN. Sebahagian besar pelaburan dana diurus secara dalaman manakala program pengurusan dana luar digunakan untuk sebahagian pelaburan tempatan. Program pengurusan dana luar bermula pada tahun 2006 dengan mandat untuk melabur di dalam sekuriti terbitan kerajaan dan agensi kerajaan dan korporat. Program pelaburan ini kemudiannya ditumpukan kepada sekuriti korporat sahaja yang menawarkan kadar pulangan yang lebih tinggi. Program ini diperluaskan lagi pada tahun 2012 dengan mandat ekuiti tempatan.

PRESTASI DAN KEDUDUKAN KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Saiz aset dan kadar pulangan

Jumlah aset KWAN (tidak termasuk bahagian keuntungan daripada syarikat bersekutu) pada 31 Disember 2016 adalah RM15,408.9 juta dan kadar pulangan tahunan atas aset adalah sebanyak 4.7%. Peningkatan saiz dana dan pencapaian kadar pulangan atas aset KWAN sejak penubuhannya adalah seperti yang ditunjukkan dalam carta berikut: -




TAHUN	JUMLAH ASET (RM JUTA)	KADAR PULANGAN ATAS ASET (%)
1988	114.2	12.5
1989	227.0	7.6
1990	391.6	21.1
1991	545.9	11.8
1992	869.7	3.4
1993	1,071.6	10.6
1994	1,200.4	2.5
1995	1,400.3	7.8
1996	1,530.1	2.0
1997	1,902.3	15.9
1998	2,159.7	7.8
1999	2,324.8	2.9
2000	2,491.5	2.4
2001	2,681.1	3.9
2002	2,980.4	7.0

TAHUN	JUMLAH ASET (RM JUTA)	KADAR PULANGAN ATAS ASET (%)
2003	3,408.3	10.3
2004	3,770.3	7.3
2005	3,870.3	0.0
2006	4,072.9	2.6
2007	4,299.4	3.0
2008	4,431.4	0.7
2009	4,898.7	8.2
2010	4,935.4	-1.3
2011	5,682.3	4.7
2012	6,988.6	4.8
2013	9,518.9	6.2
2014	12,036.6	4.7
2015	14,616.2	12.3
2016	15,408.9	4.7
Purata sejak ditubuhkan		6.5

Komposisi matawang

Kedudukan pelaburan KWAN dari segi matawang pada 31 Disember 2016 berbanding dengan tahun 2015 adalah seperti berikut:-



Kedudukan kewangan

Setakat 31 Disember 2016, jumlah aset KWAN (tidak termasuk bahagian keuntungan daripada syarikat bersekutu) berjumlah RM15,408.9 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM8,608.0 juta atau 55.9% (2015: RM7,847.9 juta atau 53.7%) dilaburkan dalam pasaran luar negara dalam bentuk sekuriti (kerajaan, agensi-agensi kerajaan, supranasional dan korporat). Pelaburan dalam matawang asing termasuk pelaburan dalam matawang Dolar Singapura dan Dolar Hong Kong dalam bentuk Dana Bon Asia berjumlah RM712.5 juta (2015: RM702.7 juta). Bagi pegangan emas pula, semua pegangan telah dijual dalam tahun 2016 (2015: RM188.0 juta atau 1.3%), dengan keuntungan jualan sebanyak RM38.9 juta. KWAN akan terus memantau dan menilai pasaran emas untuk peluang pelaburan semula.

Jumlah aset yang selebihnya sebanyak RM6,800.9 juta atau 44.1% (2015: RM6,580.3 juta atau 45.0%) telah dilaburkan dalam pasaran tempatan dalam bentuk sekuriti (kerajaan, agensi, supranasional, dan korporat), simpanan tetap dengan institusi-institusi kewangan Malaysia serta pegangan saham dalam Putrajaya Holdings Sdn Bhd. Jumlah ini termasuk pelaburan dalam sekuriti dan ekuiti melalui program pengurusan dana luar.

Dalam tahun 2016, KWAN memperoleh lebih bagi tahun sebelum cukai sebanyak RM702.5 juta, penurunan sebanyak RM877.0 juta atau 55.5% berbanding RM1,579.5 juta bagi tahun 2015. Keuntungan bersih disumbangkan oleh pendapatan kupon dan dividen sebanyak RM472.3 juta serta keuntungan daripada penilaian semula pertukaran matawang asing yang berjumlah RM186.0 juta. Selepas mengambil kira kerugian daripada penilaian semula sekuriti sebanyak RM13.5 juta (2015: kerugian RM4.8 juta), jumlah pendapatan komprehensif yang dicatatkan adalah RM689.1 juta (2015: RM1,574.7 juta). Dana KWAN telah menjana kadar pulangan atas aset sebanyak 4.7% pada tahun 2016, penurunan daripada 12.3% pada tahun 2015, disebabkan oleh keuntungan daripada penilaian semula pertukaran matawang asing yang lebih rendah dalam tahun 2016.

Semenjak ditubuhkan dalam tahun 1988, KWAN telah berjaya memperoleh keuntungan terkumpul (setelah mengambil kira rizab penilaian semula aset) berjumlah RM6,297.6 juta (2015: RM5,608.5 juta). Dengan mengambil kira sumbangan terkumpul daripada PETRONAS berjumlah RM9,100 juta, jumlah dana terkumpul KWAN pada 31 Disember 2016 adalah sebanyak RM15,397.6 juta (2015: RM14,608.5 juta).

Kedudukan kewangan yang disatukan

Dengan 20% pegangan ekuiti dalam PJH, PJH diiktiraf sebagai syarikat bersekutu KWAN dan dilaporkan di dalam penyata kewangan dengan menggunakan kaedah ekuiti. Di bawah dasar perakaunan ini, di peringkat kumpulan, bahagian keuntungan PJH (selepas ditolak dividen dibayar kepada KWAN) dari tarikh pegangan sehingga tarikh laporan ini ditambah kepada kos pelaburan. Sehubungan dengan ini, nilai aset KWAN pada peringkat kumpulan untuk tahun 2016 adalah RM16,422.7 juta (2015: RM15,521.4 juta).

PENGURUSAN RISIKO

Risiko pelaburan KWAN sentiasa dipantau bagi memastikan risiko-risiko berikut berada dalam tahap yang terkawal:

i. Risiko pasaran

Risiko pasaran ialah risiko pelaburan KWAN yang terdedah kepada pergerakan negatif nilai harga pasaran seperti kadar tukaran matawang asing, kadar faedah dan harga ekuiti. Risiko pasaran ditaksir dan dipantau pada setiap hari dan semua pelaburan serta instrumen akan dinilai mengikut pasaran. Dasar tanda aras yang diluluskan oleh Panel KWAN mencerminkan matlamat pelaburan jangka panjang dan profil risiko-pulangan yang wajar. Pelaburan juga boleh dilakukan dalam instrumen yang berbeza dari dasar tanda aras. Perbezaan dalam pelaburan ini dikawal melalui had pengurusan risiko dan garis panduan pelaburan yang diluluskan. Analisa kepekaan dan ujian ketahanan dijalankan bagi menilai risiko yang mungkin muncul dan taksiran potensi kerugian berikutan pergerakan negatif dan turun naik dalam pasaran serta keadaan mudah tunai.

ii. Risiko kredit

Risiko kredit ialah risiko pelaburan tidak memperoleh pulangan pokok dan/atau faedah dalam masa yang ditetapkan berikutan kemungkiran penerbit hutang atau kegagalan pihak ketiga untuk memenuhi kewajipan kontraktualnya kepada KWAN. Rangka kerja risiko kredit yang menyeluruh diwujudkan bagi mengawalselia tahap pendedahan kredit dan pelaburan-pelaburan KWAN yang telah diluluskan. Rangka kerja ini adalah untuk memastikan dana KWAN dilaburkan dengan pihak ketiga yang mempunyai kualiti kredit yang tinggi serta kebarangkalian kerugian yang rendah. Dasar dan pemantauan berterusan terhadap pendedahan kredit dapat memastikan matlamat pemeliharaan modal tercapai.

iii. Risiko operasi

Risiko operasi ialah risiko kerugian akibat kegagalan proses dalaman, kawalan dan prosedur yang tidak mantap atau perkembangan dalaman atau luaran yang menjejaskan operasi. Risiko operasi dapat ditangani menerusi rangka kerja tadbir urus yang mantap dan pelaksanaan kawalan dan had risiko yang berkesan. Mekanisma pengawalan risiko operasi yang menyeluruh sudah tersedia bagi mengukuhkan usaha mengenalpasti risiko-risiko yang mungkin muncul di dalam operasi KWAN agar tindakan dapat diambil bagi menguruskan jurang yang ada dan menangani kerugian.

Pengurusan risiko KWAN disokong oleh persekitaran kawalan mantap yang merangkumi dasar dan prosedur yang menyeluruh serta tadbir urus yang telus.



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KUMPULAN WANG AMANAH NEGARA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Laporan Mengenai Penyata Kewangan Disatukan

Saya telah mengaudit penyata kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara dan Kumpulan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Yang Disatukan pada 31 Disember 2016, Penyata Prestasi Kewangan Yang Disatukan, Penyata Perubahan Dana Terkumpul Yang Disatukan serta Penyata Aliran Tunai Yang Disatukan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan dasar perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan yang lain.

Tanggungjawab Panel Pemegang Amanah Terhadap Penyata Kewangan Disatukan

Panel Pemegang Amanah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan disatukan yang saksama selaras dengan Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988 dan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia. Panel Pemegang Amanah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan disatukan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan disatukan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan disatukan bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan disatukan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata atau ketinggalan yang ketara pada penyata kewangan disatukan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan Kumpulan Wang Amanah Negara dan Kumpulan dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan disatukan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan Wang Amanah Negara dan Kumpulan. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta menilai persembahan penyata kewangan disatukan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan disatukan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara dan Kumpulan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dalam semua aspek yang ketara, selaras dengan Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988 dan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi syarikat bersekutu yang tidak diaudit oleh saya bahwa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan penyata kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara bagi tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat bersekutu berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan disatukan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Yang Lain

Selaras dengan keperluan Seksyen 15 Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988, saya turut melaporkan bahawa peruntukan dan peraturan di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957 adalah terpakai bagi Kumpulan Wang Amanah Negara.



(RAFTAH BINTI IBRAHIM)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
31 MAC 2017



PENYATA AHLI PANEL

KUMPULAN WANG AMANAH NEGARA

Kami, Datuk Wan Zulkiflee Wan Ariffin dan Dato' Siti Zauyah Mohd Desa, yang merupakan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Kumpulan Wang Amanah Negara, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Panel, Penyata Kewangan pada muka surat 23 hingga 45 telah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara pada 31 Disember 2016 dan hasil operasi serta aliran tunai bagi Kumpulan dan Kumpulan Wang Amanah Negara bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Panel,



DATUK WAN ZULKIFLEE WAN ARIFFIN
PENGERUSI



DATO' SITI ZAUYAH MD DESA
TIMBALAN PENGERUSI

KUALA LUMPUR
29 MAC 2017

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN KUMPULAN WANG AMANAH NEGARA

Saya, Eugene Hon Kah Weng, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan pada muka surat 23 hingga 45 mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas
di Kuala Lumpur
pada 29 Mac 2017

)
)
)
)



Di hadapan saya,



Pesuruhjaya Sumpah
ALAMAT PERKHIDMATAN
BANK NEGARA MALAYSIA
JALAN DATO' ONN
50480 KUALA LUMPUR



PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN YANG DISATUKAN

PADA 31 DISEMBER 2016

		KUMPULAN		KWAN	
	Nota	2016 RM'000	2015 RM'000	2016 RM'000	2015 RM'000
Aset					
Tunai dan Kesetaraan Tunai	4	2,027,544	3,032,691	2,027,544	3,032,691
Aset Kewangan	5	12,911,319	10,950,003	12,911,319	10,950,003
Emas		–	188,038	–	188,038
Akaun Belum Terima	6	3,757	5,478	29,989	5,478
Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu	7	1,480,050	1,345,212	440,000	440,000
Jumlah Aset		16,422,670	15,521,422	15,408,852	14,616,210
Liabiliti					
Liabiliti-liabiliti Lain	8	11,272	7,720	11,272	7,720
Jumlah Liabiliti		11,272	7,720	11,272	7,720
Dana Terkumpul					
Sumbangan Dana	9	9,100,000	9,000,000	9,100,000	9,000,000
Rizab Am		7,344,783	6,533,637	6,330,965	5,628,425
Rizab Penilaian Semula Aset Kewangan		(33,385)	(19,935)	(33,385)	(19,935)
Jumlah Dana Terkumpul		16,411,398	15,513,702	15,397,580	14,608,490
Jumlah Liabiliti dan Dana Terkumpul		16,422,670	15,521,422	15,408,852	14,616,210

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN YANG DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

		KUMPULAN		KWAN	
	Nota	2016 RM'000	2015 RM'000	2016 RM'000	2015 RM'000
Pendapatan					
Pendapatan Faedah	10	379,880	353,359	379,880	353,359
Pendapatan Dividen	11	44,280	48,169	92,372	92,169
Keuntungan/(Kerugian) Bersih daripada Aset Kewangan	12	15,412	(1,392)	15,412	(1,392)
Keuntungan/(Kerugian) Mata Wang Asing		186,031	1,142,093	186,031	1,142,093
Keuntungan daripada Penjualan Emas		38,893	—	38,893	—
Keuntungan daripada Syarikat Bersekutu		156,698	126,443	—	—
Jumlah Pendapatan		821,194	1,668,672	712,588	1,586,229
Perbelanjaan					
Yuran Pengurusan Dana Tempatan dan Yuran Kustodian		(9,512)	(6,070)	(9,512)	(6,070)
Yuran Audit		(27)	(25)	(27)	(25)
Perbelanjaan Lain		(121)	(395)	(121)	(395)
Cukai Barangan dan Perkhidmatan		(375)	(193)	(375)	(193)
Jumlah Perbelanjaan		(10,035)	(6,683)	(10,035)	(6,683)
Lebihan bagi Tahun Sebelum Cukai		811,159	1,661,989	702,553	1,579,546
Cukai	13	(13)	—	(13)	—
Lebihan bagi Tahun Selepas Cukai		811,146	1,661,989	702,540	1,579,546
Pendapatan Komprehensif Lain					
Keuntungan/(Kerugian) daripada Penilaian Semula Aset Kewangan		(13,450)	(4,798)	(13,450)	(4,798)
Jumlah Pendapatan Komprehensif		797,696	1,657,191	689,090	1,574,748

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DANA TERKUMPUL YANG DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

KUMPULAN				
	Sumbangan Dana RM'000	Rizab Am RM'000	Rizab Penilaian Semula Aset Kewangan RM'000	Jumlah RM'000
Baki pada 1 Januari 2015	8,000,000	4,871,648	(15,137)	12,856,511
Sumbangan Dana Tahun Semasa	1,000,000	–	–	1,000,000
Lebihan bagi Tahun Semasa	–	1,661,989	–	1,661,989
Keuntungan/(Kerugian) daripada Penilaian Semula Aset Kewangan	–	–	(4,798)	(4,798)
Baki pada 31 Disember 2015	9,000,000	6,533,637	(19,935)	15,513,702
Baki pada 1 Januari 2016	9,000,000	6,533,637	(19,935)	15,513,702
Sumbangan Dana Tahun Semasa	100,000	–	–	100,000
Lebihan bagi Tahun Semasa	–	811,146	–	811,146
Keuntungan/(Kerugian) daripada Penilaian Semula Aset Kewangan	–	–	(13,450)	(13,450)
Baki pada 31 Disember 2016	9,100,000	7,344,783	(33,385)	16,411,398

KWAN				
	Sumbangan Dana RM'000	Rizab Am RM'000	Rizab Penilaian Semula Aset Kewangan RM'000	Jumlah RM'000
Baki pada 1 Januari 2015	8,000,000	4,048,879	(15,137)	12,033,742
Sumbangan Dana Tahun Semasa	1,000,000	–	–	1,000,000
Lebihan bagi Tahun Semasa	–	1,579,546	–	1,579,546
Keuntungan/(Kerugian) daripada Penilaian Semula Aset Kewangan	–	–	(4,798)	(4,798)
Baki pada 31 Disember 2015	9,000,000	5,628,425	(19,935)	14,608,490
Baki pada 1 Januari 2016	9,000,000	5,628,425	(19,935)	14,608,490
Sumbangan Dana Tahun Semasa	100,000	–	–	100,000
Lebihan bagi Tahun Semasa	–	702,540	–	702,540
Keuntungan/(Kerugian) daripada Penilaian Semula Aset Kewangan	–	–	(13,450)	(13,450)
Baki pada 31 Disember 2016	9,100,000	6,330,965	(33,385)	15,397,580

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI YANG DISATUKAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	KUMPULAN / KWAN	
	2016 RM'000	2015 RM'000
Aliran Tunai daripada Aktiviti Operasi		
Penerimaan Faedah daripada Pelaburan	366,396	335,295
Penerimaan Dividen	65,881	93,494
Bayaran Kos Operasi	(9,991)	(8,026)
Bayaran Cukai Pegangan	(13)	–
Pembelian Aset Kewangan	(1,945,612)	(2,059,219)
Penjualan/(Pembelian) Emas	226,932	(139,858)
Pengurangan/(Peningkatan) dalam Akaun Belum Terima	1,721	(2,178)
Peningkatan dalam Liabiliti-liabiliti Lain	3,508	6,212
Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi	(1,291,178)	(1,774,280)
Aliran Tunai daripada Aktiviti Pembiayaan		
Penerimaan Sumbangan Dana	100,000	1,000,000
Aliran Tunai daripada Aktiviti Pembiayaan	100,000	1,000,000
Perbezaan Bersih Mata Wang Asing	186,031	1,142,093
(Pengurangan)/Peningkatan Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai	(1,005,147)	367,813
Tunai dan Kesetaraan Tunai Awal Tahun	3,032,691	2,664,878
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	2,027,544	3,032,691
Tunai dan Kesetaraan Tunai Merangkumi:		
Baki Bank	76,726	179,550
Deposit Jangka Pendek dengan Institusi Kewangan	1,950,818	2,853,141
	2,027,544	3,032,691

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

1. Maklumat Am

Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988 (Akta KWAN 1988). Panel pemegang amanah yang dikenali sebagai Panel KWAN (Panel) dilantik bagi mentadbir KWAN.

Bank Negara Malaysia (BNM) diberi tanggungjawab untuk menguruskan operasi harian KWAN. Alamat pejabat urusan KWAN adalah di Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Penyata kewangan KWAN bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 ini diluluskan oleh Panel pada 29 Mac 2017.

2. Kegiatan Utama

Kegiatan utama KWAN adalah menerima sumbangan, memberi pembiayaan dan mengurus pelaburan berdasarkan peruntukan Akta KWAN 1988 dan garis panduan yang diluluskan oleh Panel bagi menjana sumber pendapatan yang berterusan dan stabil demi faedah negara dan generasi akan datang.

Kegiatan utama syarikat bersekutu KWAN iaitu Putrajaya Holdings Sdn Bhd adalah pembangunan hartanah, pemajakan bangunan dan pelaburan. Alamat pejabat berdaftar Putrajaya Holdings Sdn Bhd adalah di Tingkat 12, Menara PJH, No. 2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2, 62100 Putrajaya, Wilayah Persekutuan.

Tiada sebarang perubahan ketara dalam aktiviti-aktiviti utama KWAN dan syarikat bersekutu pada tahun kewangan semasa.

3. Ringkasan Dasar Perakaunan Utama

Melainkan dinyatakan sebaliknya, dasar-dasar perakaunan di bawah telah diguna pakai secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan untuk semua tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini.

3.1 Asas Penyediaan

(a) Penyata Pematuhan

Penyata kewangan KWAN telah disediakan selaras dengan peruntukan di bawah Akta KWAN 1988 dan piawaian pelaporan kewangan berkaitan yang diluluskan di Malaysia.

Penyata kewangan syarikat bersekutu KWAN iaitu Putrajaya Holdings Sdn Bhd telah disediakan selaras dengan peruntukan di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards, IFRS) dan Akta Syarikat, 1965.

(b) Asas Perakaunan

Penyata kewangan ini telah disediakan berasaskan konvensyen kos sejarah kecuali Aset Kewangan yang dinilai pada nilai saksama iaitu dana dagangan bursa yang diuruskan oleh BNM dan instrumen pelaburan berpendapatan tetap dan pelaburan ekuiti tersiar harga yang diuruskan oleh Pengurus Dana Tempatan.

(c) Mata Wang Fungsian dan Persembahan

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang fungsi KWAN dan semua nilai dikenakan kepada ribuan RM yang terhampir melainkan yang dinyatakan sepenuhnya.

(d) Persembahan Penyata Kewangan

Persembahan penyata kewangan adalah selaras dengan peruntukan piawaian pelaporan kewangan berkaitan yang diluluskan di Malaysia. Penyata kewangan kumpulan disediakan dengan menyatukan penyata kewangan KWAN dengan syarikat bersekutu menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Penyata Aliran Tunai disediakan secara kaedah langsung.

3.2 Penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan disediakan dengan menyatukan penyata kewangan KWAN dengan syarikat bersekutu menggunakan kaedah perakaunan ekuiti.

Syarikat Bersekutu

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana KWAN memegang kepentingan ekuiti jangka panjang di antara 20% hingga 50% dan mempunyai pengaruh signifikan dalam membuat keputusan mengenai polisi kewangan dan operasi.

Pengaruh signifikan adalah kuasa untuk terlibat dalam membuat keputusan polisi kewangan dan operasi syarikat bersekutu tetapi bukan untuk melaksanakan kawalan atas polisi tersebut.

Kewujudan dan kesan instrumen yang mempunyai potensi hak mengundi, yang boleh digunakan atau ditukarkan pada tarikh semasa diambil kira dalam menentukan sama ada KWAN mempunyai pengaruh signifikan ke atas entiti lain.

Kaedah perakaunan ekuiti digunakan bagi mengiktiraf pelaburan dalam syarikat bersekutu yang pada mulanya dinyatakan pada nilai saksama dan selanjutnya dilaraskan nilainya kepada nilai boleh diperoleh yang mengambil kira kerugian terjejas dalam tahun berkaitan, jika ada.

Semua urusan niaga dan baki antara syarikat telah dihapuskan dalam penyatuan.

3.3 Pertukaran Mata Wang Asing

Aset dan Liabiliti Kewangan dalam mata wang asing diterjemahkan kepada RM mengikut kadar pertukaran semasa pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Urus niaga dalam mata wang asing di sepanjang tahun diterjemahkan kepada RM mengikut kadar pertukaran semasa pada tarikh transaksi.

Semua keuntungan atau kerugian mata wang asing daripada penyelesaian transaksi dan daripada penilaian semula pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan direkodkan dalam Penyata Prestasi Kewangan sebagai Keuntungan/(Kerugian) Mata Wang Asing.

3.4 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan Kesetaraan Tunai terdiri daripada baki di bank, deposit dan pelaburan jangka pendek yang mempunyai tempoh matang asal tidak melebihi 3 bulan, mudah tunai tinggi dan sedia ditukar kepada tunai dengan risiko perubahan nilai yang kecil.

3.5 Aset Kewangan

(a) Pengkelasan

KWAN mengkelaskan aset kewangannya berdasarkan kategori Aset Kewangan dan Pinjaman dan Akaun Belum Terima.

(i) Aset Kewangan

Aset Kewangan terdiri daripada pelaburan ekuiti tersiar harga, instrumen pelaburan berpendapatan tetap dan dana dagangan bursa yang diuruskan oleh BNM dan Pengurus Dana Tempatan.

(ii) Pinjaman dan Akaun Belum Terima

Aset Kewangan Pinjaman dan Akaun Belum Terima adalah aset kewangan bukan derivatif yang mempunyai bayaran tetap atau ditentukan yang tidak tersiar harga dalam pasaran aktif. Tiada pinjaman diberi oleh KWAN pada tahun kewangan semasa.

(b) Pengiktirafan dan Pengukuran

Aset Kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila KWAN menjadi pihak dalam kontrak instrumen kewangan berkenaan. Ini termasuk dagangan cara biasa iaitu pembelian atau penjualan Aset Kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen dalam pasaran berkenaan diiktiraf pada tarikh penyelesaian. Aset Kewangan yang diuruskan oleh Pengurus Dana Tempatan diiktiraf pada tarikh dagangan.

Semua Aset Kewangan pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama termasuk kos urus niaga yang timbul secara langsung dari pemerolehan atau terbitan Aset Kewangan. Selepas penilaian awal, Aset Kewangan dinilai sama ada pada kos terlunas atau nilai saksama.

Aset Kewangan dinyahiktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada Aset Kewangan berkenaan telah luput atau telah dipindahkan dan KWAN telah memindahkan kesemua risiko dan ganjaran pemilikan.

Aset Kewangan yang diuruskan oleh Pengurus Dana Tempatan - Ekuiti Tersiar Harga dan Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap

Ekuiti tersiar harga dan instrumen pelaburan berpendapatan tetap yang diuruskan oleh Pengurus Dana Tempatan adalah Aset Kewangan yang dinilai pada nilai saksama melalui Penyata Prestasi Kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, Aset Kewangan tersebut dinyatakan pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian bersih daripada perubahan nilai saksama pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan sebagai Keuntungan/(Kerugian) Bersih daripada Aset Kewangan.

Semasa penyahiktirafan, perbezaan antara nilai dibawa dan harga balasan yang diterima daripada penjualan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan sebagai Keuntungan/(Kerugian) Bersih daripada Aset Kewangan.

Aset Kewangan yang diuruskan oleh BNM – Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap dan Dana Dagangan Bursa

Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap

Instrumen pelaburan berpendapatan tetap yang diuruskan oleh BNM dinyatakan pada kos terlunas ditolak kerugian terjejas jika ada. Pelunasan premium atau akresi diskaun dikira berdasarkan kaedah faedah berkesan dari tarikh pembelian sehingga tarikh matang.

Semasa penyahiktirafan, perbezaan antara nilai dibawa dan harga balasan yang diterima daripada penjualan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan sebagai Keuntungan/(Kerugian) Bersih daripada Aset Kewangan.

Dana Dagangan Bursa

Pelaburan dalam dana dagangan bursa dinyatakan pada nilai saksama. Selepas pengiktirafan awal, pelaburan tersebut dinyatakan pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian bersih daripada perubahan nilai saksama pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan diiktiraf dalam Rizab Penilaian Semula Aset Kewangan.

Semasa penyahiktirafan, perbezaan antara nilai dibawa dan harga balasan yang diterima daripada penjualan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan sebagai Keuntungan/(Kerugian) Bersih daripada Aset Kewangan.

Pinjaman dan Akaun Belum Terima

Pinjaman dan Akaun Belum Terima terdiri daripada pinjaman dan penghutang pelbagai. Selepas pengiktirafan awal, Aset Kewangan ini seterusnya dinyatakan pada nilai kos terlunas ditolak kerugian terjejas, jika ada.

(c) Kerugian Terjejas Aset Kewangan

KWAN membuat semakan secara berkala sama ada terdapat bukti objektif bahawa Aset Kewangan telah terjejas. Aset Kewangan dianggap terjejas apabila terdapat bukti objektif berdasarkan beberapa petunjuk yang berlaku selepas penilaian awal ke atas Aset Kewangan berkaitan yang memberi implikasi kepada jangkaan aliran tunai yang akan diterima pada masa hadapan daripada Aset Kewangan tersebut. Kriteria yang digunakan oleh KWAN untuk menentukan sama ada bukti objektif terhadap kerugian terjejas telah berlaku bagi Aset Kewangan termasuk petunjuk-petunjuk berikut:

- Penurunan kadaran gred pelaburan;
- Penurunan nilai saksama yang signifikan atau secara berterusan;
- Kehilangan pasaran aktif; dan
- Kelewatan ketara atau kegagalan membayar amaun pokok/faedah berdasarkan tempoh yang dipersetujui.

Amaun kerugian terjejas dikira sebagai perbezaan antara nilai dibawa dengan nilai semasa anggaran aliran tunai yang akan diterima pada masa hadapan daripada Aset Kewangan tersebut. Nilai dibawa Aset Kewangan akan dikurangkan melalui akaun peruntukan kerugian terjejas dan amaun kerugian terjejas akan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan. Jika didapati bahawa amaun kerugian terjejas telah menurun sewaktu penilaian seterusnya dibuat dan penurunan ini boleh dihubungkan dengan bukti objektif selepas kerugian terjejas telah diiktiraf, kerugian terjejas tersebut dicatat semula dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Bagi dana dagangan bursa, jumlah kerugian terjejas dikeluarkan daripada Rizab Penilaian Semula Aset Kewangan dan diiktiraf sebagai kerugian terjejas dalam Penyata Prestasi Kewangan.

3.6 Emas

Emas adalah aset bukan kewangan yang diiktiraf pada kos. Perbezaan antara nilai dibawa dan harga balasan yang diterima daripada penjualan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan sebagai Keuntungan daripada Penjualan Emas.

3.7 Liabiliti Kewangan

Liabiliti Kewangan KWAN termasuk perbelanjaan terakru dan amaun belum bayar pelbagai diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila KWAN menjadi pihak dalam kontrak Liabiliti Kewangan berkenaan. Liabiliti Kewangan dinilai seterusnya pada kos terlunas.

Liabiliti Kewangan dinyahiktiraf apabila tanggungan yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau luput.

3.8 Sumbangan Dana

Sumbangan Dana merupakan amaun modal yang diterima oleh KWAN menurut peruntukan Akta KWAN 1988 dan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

3.9 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

Pendapatan terdiri daripada balasan yang diterima atau akan diterima dalam aktiviti urus niaga biasa KWAN yang dinyatakan pada nilai saksama. KWAN mengiktiraf pendapatan berdasarkan asas akrual menerusi Penyata Prestasi Kewangan apabila amaun tersebut boleh dikira secara munasabah dan faedah ekonomi masa depan berkemungkinan mengalir masuk ke KWAN. Perbelanjaan yang terdiri daripada kos operasi dan sumbangan geran diiktiraf berdasarkan asas akrual menerusi Penyata Prestasi Kewangan.

(a) Pendapatan Faedah

Pendapatan faedah diiktiraf berdasarkan asas akrual menggunakan kaedah faedah berkesan.

(b) Pendapatan Dividen

Pendapatan dividen daripada pelaburan ekuiti diiktiraf pada nilai kasar dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila hak KWAN untuk menerima bayaran telah disahkan.

(c) Sumbangan Geran

Sumbangan geran merupakan pemberian sumbangan oleh KWAN untuk penggunaan-penggunaan yang dibenarkan berdasarkan peruntukan Akta KWAN 1988. Sumbangan geran diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila pemberian pembiayaan tersebut telah diluluskan. Tiada sumbangan geran diberi oleh KWAN pada tahun kewangan semasa.

3.10 Pertimbangan, Anggaran dan Andaian Perakaunan Kritikal

Dalam penyediaan penyata kewangan, pihak pengurusan dikehendaki membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mungkin memberi kesan kepada penggunaan dasar-dasar perakaunan dan jumlah yang dilaporkan bagi aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran.

Anggaran dan andaian disemak secara berterusan dan pelarasan terhadap anggaran perakaunan diiktiraf dalam penyata kewangan pada tempoh di mana anggaran tersebut disemak dan mana-mana tempoh masa hadapan yang berkaitan.

3.11 Penentuan Nilai Saksama

Nilai saksama instrumen kewangan adalah jumlah di mana Aset Kewangan boleh ditukar atau Liabiliti Kewangan dilangsaikan, antara rakan niaga dalam satu urus niaga telus.

Nilai saksama bagi instrumen kewangan yang mempunyai pasaran aktif ditentukan berdasarkan harga pasaran yang tersiar tanpa pelarasan. Jika instrumen kewangan berkenaan tidak mempunyai pasaran aktif, nilai saksama dianggarkan berdasarkan pelbagai kaedah yang menggunakan data pasaran yang boleh diperhatikan.

KWAN menentukan nilai saksama aset kewangannya berdasarkan polisi perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 3.5 dan hierarki berikut:

Tahap 1

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai Tahap 1 jika nilai saksamanya dapat diperhatikan dalam pasaran aktif. Instrumen berkenaan dinilai dengan merujuk kepada harga yang tersiar (tanpa pelarasan) untuk aset atau liabiliti yang sama dan sedia ada dalam pasaran aktif.

Tahap 2

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai Tahap 2 jika model penilaiannya menggunakan input yang boleh diperhatikan dalam pasaran aktif.

Tahap 3

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai Tahap 3 jika penilaiannya menggunakan input penting yang tidak berdasarkan data pasaran yang dapat diperhatikan.

4. Tunai dan Kesetaraan Tunai

	KUMPULAN / KWAN	
	2016 RM'000	2015 RM'000
Baki Bank	76,726	179,550
Deposit Jangka Pendek dengan Institusi Kewangan	1,950,818	2,853,141
	<u>2,027,544</u>	<u>3,032,691</u>

5. Aset Kewangan

	KUMPULAN / KWAN	
	2016 RM'000	2015 RM'000
Ekuiti Tersiar Harga	1,572,248	1,149,142
Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap	10,520,237	9,005,554
Dana Dagangan Bursa	712,484	702,699
Dividen Terakru	1,107	849
Faedah Terakru	112,625	99,141
	12,918,701	10,957,385
Tolak: Elaun Kerugian Terjejas		
Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap	(7,382)	(7,382)
	12,911,319	10,950,003

Perubahan elaun kerugian terjejas instrumen pelaburan berpendapatan tetap adalah seperti berikut:

	KUMPULAN / KWAN	
	2016 RM'000	2015 RM'000
Baki pada 1 Januari	(7,382)	(7,382)
Caj untuk tahun semasa	–	–
Baki pada 31 Disember	(7,382)	(7,382)
Nilai bawaan Aset Kewangan yang ditentukan secara individu sebagai terjejas, sebelum ditolak elaun kerugian terjejas yang disemak secara individu	(7,382)	(7,382)

6. Akaun Belum Terima

	KUMPULAN		KWAN	
	2016 RM'000	2015 RM'000	2016 RM'000	2015 RM'000
Jumlah Belum Terima daripada Broker	3,757	5,478	3,757	5,478
Dividen Belum Terima daripada Syarikat Bersekutu	–	–	26,232	–
	<u>3,757</u>	<u>5,478</u>	<u>29,989</u>	<u>5,478</u>

7. Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu

Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu merupakan pelaburan ekuiti tidak tersiar harga sebanyak 20% di dalam Putrajaya Holdings Sdn Bhd (PJH). Kegiatan utama PJH adalah pembangunan hartanah, pemajakan bangunan dan pelaburan.

	KUMPULAN		KWAN	
	2016 RM'000	2015 RM'000	2016 RM'000	2015 RM'000
Pelaburan pada Kos	440,000	440,000	440,000	440,000
Bahagian Keuntungan Berkumpul	905,212	822,769	–	–
Bahagian Keuntungan Tahun Semasa	156,698	126,443	–	–
Tolak: Dividen Diterima	(21,860)	(44,000)	–	–
	<u>1,040,050</u>	<u>905,212</u>	<u>–</u>	<u>–</u>
	<u>1,480,050</u>	<u>1,345,212</u>	<u>440,000</u>	<u>440,000</u>

Syarikat Bersekutu KWAN tidak diaudit oleh Ketua Audit Negara.

8. Liabiliti-liabiliti Lain

	KUMPULAN / KWAN	
	2016 RM'000	2015 RM'000
Jumlah Belum Bayar kepada Broker	9,720	6,212
Yuran Pengurus Dana Tempatan dan Yuran Kustodian	1,525	1,483
Yuran Audit	27	25
	<u>11,272</u>	<u>7,720</u>

9. Sumbangan Dana

	KUMPULAN / KWAN	
	2016 RM'000	2015 RM'000
Sumbangan Dana daripada: PETRONAS	<u>9,100,000</u>	<u>9,000,000</u>

10. Pendapatan Faedah

	KUMPULAN / KWAN	
	2016 RM'000	2015 RM'000
Pendapatan Faedah daripada:		
Tunai dan Kesetaraan Tunai	64,410	71,326
Aset Kewangan	357,437	325,223
Tolak: Pelunasan Premium	(41,967)	(43,190)
	<u>315,470</u>	<u>282,033</u>
	<u>379,880</u>	<u>353,359</u>

11. Pendapatan Dividen

	KUMPULAN		KWAN	
	2016 RM'000	2015 RM'000	2016 RM'000	2015 RM'000
Pendapatan Dividen daripada:				
Ekuiti Tersiar Harga	30,764	34,436	30,764	34,436
Dana Dagangan Bursa	13,516	13,733	13,516	13,733
Syarikat Bersekutu	–	–	48,092	44,000
	<u>44,280</u>	<u>48,169</u>	<u>92,372</u>	<u>92,169</u>

12. Keuntungan/(Kerugian) Bersih daripada Aset Kewangan

	KUMPULAN / KWAN	
	2016 RM'000	2015 RM'000
Keuntungan/(Kerugian) Bersih daripada:		
Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap pada Kos Terlunas	14,684	14,410
Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap pada Nilai Saksama	(763)	2,317
Ekuiti Tersiar Harga pada Nilai Saksama	1,491	(18,119)
	<u>15,412</u>	<u>(1,392)</u>

13. Cukai Pendapatan

KWAN dikecualikan daripada pembayaran cukai pendapatan ke atas semua pendapatan bagi tahun taksiran 1989 dan tahun-tahun taksiran berikutnya seperti yang ditetapkan dalam Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 22) 1991.

Pendapatan asing adalah tertakluk kepada kadar dan undang-undang percukaian negara berkenaan. Cukai bagi tahun semasa adalah merujuk kepada cukai pegangan tidak boleh dituntut atas pendapatan faedah daripada pelaburan asing.

14. Baki dan Urus Niaga Ketara Dengan Pihak Berkaitan

Bagi tujuan penyediaan penyata kewangan ini, pihak-pihak dianggap mempunyai kaitan dengan Kumpulan sekiranya Kumpulan atau KWAN secara langsung atau tidak langsung, boleh mengawal pihak berkaitan atau mempunyai pengaruh yang ketara atas pihak yang membuat keputusan kewangan dan operasi atau sebaliknya atau di mana Kumpulan atau KWAN dan pihak berkaitan tertakluk kepada kawalan atau pengaruh yang sama. Pihak berkaitan mungkin individu atau entiti-entiti lain.

Pihak berkaitan dan hubungan mereka dengan Kumpulan atau KWAN adalah seperti berikut:

Pihak Berkaitan	Hubungan
Kerajaan Malaysia	KWAN ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988 dan disenaraikan sebagai sebuah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan Persekutuan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957.
Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS)	Dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia.
Putrajaya Holdings Sdn Bhd	Syarikat bersekutu (20%), seperti yang dinyatakan dalam Nota 7.
Bank Negara Malaysia (BNM)	BNM adalah bertanggungjawab bagi pentadbiran dan pengurusan hal ehwal KWAN seperti dinyatakan di bawah perenggan 3 (3) Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988.

Pihak berkaitan juga merangkumi kakitangan pengurusan utama yang didefinisikan sebagai mereka yang mempunyai kuasa atau tanggungjawab dalam merancang, mengarah dan mengawal aktiviti-aktiviti Kumpulan atau KWAN secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan pengurusan utama adalah merujuk kepada Panel KWAN dan mereka tidak menerima sebarang pampasan atau manfaat.

Urus niaga pihak berkaitan telah berjalan seperti mana perniagaan di bawah syarat-syarat perdagangan biasa. Baki dan transaksi ketara pihak berkaitan melibatkan Kumpulan dan KWAN adalah seperti berikut:

Baki ketara dengan pihak berkaitan:

	KUMPULAN		KWAN	
	2016 RM'000	2015 RM'000	2016 RM'000	2015 RM'000
Kerajaan Malaysia:				
Pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS)	611,349	482,384	611,349	482,384
Pendapatan Terakru dari MGS	6,022	5,238	6,022	5,238
Putrajaya Holdings Sdn Bhd:				
Pelaburan dalam Instrumen				
Pelaburan Berpendapatan Tetap	60,000	40,185	60,000	40,185
Pendapatan Terakru dari Instrumen				
Pelaburan Berpendapatan Tetap	665	460	665	460

Urus Niaga ketara dengan pihak berkaitan:

	KUMPULAN		KWAN	
	2016 RM'000	2015 RM'000	2016 RM'000	2015 RM'000
Kerajaan Malaysia:				
Pendapatan dari MGS	11,419	13,976	11,419	13,976
Yuran Audit	(27)	(25)	(27)	(25)
Putrajaya Holdings Sdn Bhd:				
Pendapatan dari Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap	1,081	1,275	1,081	1,275
Pendapatan Dividen	–	–	48,092	44,000

15. Pengurusan Risiko Kewangan

Panel memantau penilaian, pengukuran dan kawalan risiko-risiko kewangan KWAN bagi memastikan risiko-risiko ini berada pada tahap yang boleh diterima dan memenuhi matlamat melindungi modal, mudah tunai dan pulangan. Risiko kewangan utama yang berada di bawah pengurusan risiko kewangan adalah seperti yang berikut:

(a) Risiko Pasaran

Risiko pasaran ialah dedahan pelaburan KWAN terhadap perubahan negatif dalam harga pasaran yang berkaitan dengan kadar pertukaran mata wang asing, kadar faedah dan harga ekuiti. Risiko pasaran dipantau secara harian dan semua pelaburan serta instrumen akan dinilai mengikut pasaran. Pelaburan adalah berpandukan dasar tanda aras yang diluluskan oleh Panel, yang mencerminkan matlamat pelaburan jangka panjang dan profil risiko-pulangan yang wajar. Pelaburan boleh dibuat dalam instrumen yang berbeza daripada tanda aras dan ia dikawal melalui satu set had pengurusan risiko dan garis panduan pelaburan yang juga diluluskan oleh Panel. Analisis kepekaan dan ujian ketahanan dijalankan untuk menilai risiko-risiko yang akan dihadapi dan kemungkinan kerugian yang ditaksirkan mengikut pasaran berikutan perubahan negatif dan turun naik dalam pasaran.

(i) Risiko Kadar Pertukaran Asing

Risiko kadar pertukaran asing adalah risiko di mana nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan Aset Kewangan akan mengalami naik turun disebabkan oleh perubahan dalam kadar pertukaran mata wang asing. Jadual di bawah menunjukkan kedudukan aset dalam mata wang asing.

	KUMPULAN / KWAN			
	2016		2015	
	RM'000	%	RM'000	%
AUD	1,737,363	20	1,942,152	25
CNH	112,706	1	–	–
EUR	444,413	5	599,730	8
GBP	815,420	10	962,304	12
HKD	354,185	4	351,785	4
IDR	159,430	2	–	–
SGD	382,886	4	366,810	5
USD	4,601,601	54	3,625,137	46
	<u>8,608,004</u>	<u>100</u>	<u>7,847,918</u>	<u>100</u>

Jadual di bawah menunjukkan kesan perubahan kadar pertukaran mata wang asing terhadap Penyata Prestasi Kewangan jika kadar pertukaran mata wang asing naik atau turun sebanyak 10% pada tarikh penyata kewangan, dengan andaian faktor-faktor lain tidak berubah.

	KUMPULAN / KWAN	
	2016 RM'000	2015 RM'000
Perubahan Kadar Pertukaran Mata Wang Asing:		
Ringgit menyusut berbanding semua mata wang asing sebanyak 10%	860,800	784,792
Ringgit meningkat berbanding semua mata wang asing sebanyak 10%	(860,800)	(784,792)

(ii) Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko di mana nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan Aset Kewangan akan mengalami naik turun disebabkan oleh perubahan kadar faedah.

KWAN terdedah kepada risiko kadar faedah melalui Aset Kewangan yang menerima aliran tunai berasaskan kadar faedah seperti instrumen pelaburan berpendapatan tetap.

Harga tersiar instrumen pelaburan berpendapatan tetap berubah secara bertentangan dengan perubahan kadar faedah. Kenaikan dalam kadar faedah akan menyebabkan kejatuhan harga instrumen pelaburan berpendapatan tetap dan sebaliknya.

Jumlah aset pelaburan berpendapatan tetap (tidak termasuk faedah terakru) yang terdedah kepada risiko kadar faedah adalah seperti berikut:

	KUMPULAN / KWAN	
	2016 RM'000	2015 RM'000
Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap		
Pada Kos Terlunas	10,078,986	8,144,750
Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap		
Pada Nilai Saksama	433,868	853,422
	<u>10,512,854</u>	<u>8,998,172</u>

Kesan terhadap nilai saksama Aset Kewangan jika kadar faedah naik atau turun sebanyak 100 mata asas pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan adalah seperti berikut:

	KUMPULAN / KWAN	
	2016 RM'000	2015 RM'000
Perubahan Kadar Faedah:		
Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap		
Pada Kos Terlunas		
+100 mata asas	(298,006)	(357,458)
-100 mata asas	298,006	357,458
Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap		
Pada Nilai Saksama		
+100 mata asas	(427)	(38,132)
-100 mata asas	427	38,132

(iii) Lain-lain Risiko Harga

Lain-lain risiko harga adalah risiko di mana nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan instrumen kewangan akan mengalami naik turun disebabkan oleh perubahan harga pasaran selain perubahan kadar pertukaran mata wang asing dan kadar faedah. Risiko ini adalah termasuk risiko perubahan harga ekuiti tersiar harga dan dana dagangan bursa.

Jadual di bawah menunjukkan jenis dan jumlah pelaburan (tidak termasuk dividen terakru) yang terdedah kepada risiko perubahan harga ekuiti pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

	KUMPULAN / KWAN	
	2016 RM'000	2015 RM'000
Ekuiti Tersiar Harga	1,572,248	1,149,142
Dana Dagangan Bursa	712,484	702,699
	2,284,732	1,851,841

Jadual seterusnya menunjukkan kesan perubahan harga ekuiti terhadap Penyata Prestasi Kewangan dan Rizab Penilaian Semula Aset Kewangan jika harga ekuiti naik atau turun pada kadar 10% pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

KUMPULAN / KWAN		
	2016 RM'000	2015 RM'000
Perubahan Harga Ekuiti:		
Ekuiti Tersiar Harga		
+10%	157,225	114,914
-10%	(157,225)	(114,914)
Dana Dagangan Bursa		
+10%	71,248	70,270
-10%	(71,248)	(70,270)

(b) Risiko Kredit

Risiko kredit ialah risiko kemungkiran oleh penerbit hutang atau kegagalan rakan niaga untuk memenuhi kewajipan kontraktualnya kepada KWAN yang menyebabkan KWAN tidak memperoleh pulangan pokok dan/atau faedah, mengikut tempoh yang sepatutnya. Satu rangka kerja risiko kredit berasaskan penarafan yang komprehensif diwujudkan bagi mengawasi tahap dedahan kredit yang dibenarkan dalam pelaburan oleh KWAN. Ini memastikan pelaburan dibuat dengan penerbit dan rakan niaga yang mempunyai kedudukan kredit yang tinggi dan kebarangkalian mengalami kerugian adalah rendah. Rangka kerja yang diluluskan oleh Panel ini juga mengambil kira petunjuk kredit berasaskan pasaran seperti penarafan yang terhasil daripada harga pasaran kewangan. Ini menambah baik rangka kerja kredit dengan menyediakan penilaian kredit yang lebih dinamik dan berpandangan ke hadapan.

KWAN terdedah kepada risiko kredit melalui pelaburan dalam instrumen berpendapatan tetap dan Akaun Belum Terima.

Penarafan menunjukkan kemampuan kewangan penerbit di mana kadaran AAA menunjukkan entiti berkenaan mempunyai kemampuan tinggi untuk memenuhi obligasi kewangannya manakala entiti yang mempunyai kadaran BBB- mempunyai risiko kegagalan untuk memenuhi obligasi kewangannya.

Jadual di bawah menunjukkan tahap pendedahan KWAN terhadap risiko kredit:

Gred Kadaran	KUMPULAN / KWAN					
	Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap Pada Kos Terlunas		Instrumen Pelaburan Berpendapatan Tetap Pada Nilai Saksama		Jumlah Pelaburan Berpendapatan Tetap	
	2016 RM'000	2015 RM'000	2016 RM'000	2015 RM'000	2016 RM'000	2015 RM'000
AAA	4,492,307	3,571,716	109,355	179,196	4,601,662	3,750,912
AA+	892,896	1,176,549	62,126	177,067	955,022	1,353,616
AA	1,334,417	450,010	30,134	102,048	1,364,551	552,058
AA-	397,358	1,249,063	175,196	357,586	572,554	1,606,649
A+	521,657	309,711	46,648	17,805	568,305	327,516
A	148,541	369,007	10,409	19,720	158,950	388,727
A-	1,866,387	862,169	—	—	1,866,387	862,169
BBB	—	23,752	—	—	—	23,752
BBB-	425,423	132,773	—	—	425,423	132,773
	<u>10,078,986</u>	<u>8,144,750</u>	<u>433,868</u>	<u>853,422</u>	<u>10,512,854</u>	<u>8,998,172</u>

(c) Risiko Operasi

Risiko operasi bagi operasi perbendaharaan ialah risiko kerugian kewangan akibat kegagalan proses dalaman, kawalan dan prosedur yang tidak mencukupi, atau perkembangan dalaman atau luaran lain yang menjejaskan operasi. Risiko operasi dapat dikurangkan melalui rangka kerja tadbir urus yang mantap dan pelaksanaan kawalan dan had risiko yang berkesan. Satu mekanisme pengawasan risiko operasi yang menyeluruh telah diwujudkan untuk membantu usaha mengenal pasti risiko yang mungkin timbul dalam operasi perbendaharaan KWAN supaya tindakan dapat diambil bagi menguruskan jurang yang ada dan mengurangkan kerugian kewangan. Risiko perniagaan, seperti, perubahan persekitaran, teknologi dan industri diawasi melalui proses perancangan strategik KWAN.

(d) Risiko Kecairan

Risiko kecairan merujuk kepada ketidakmampuan KWAN untuk memenuhi komitmen kewangan dan obligasi apabila sampai tempoh. KWAN sentiasa mengekalkan tahap kecairan aset yang secukupnya dalam bentuk tunai dan deposit dengan institusi kewangan bagi memenuhi kos operasi, komitmen kewangan serta obligasi lain. Tahap risiko kecairan adalah rendah kerana KWAN mempunyai obligasi kewangan yang rendah dan Aset Kewangan yang mudah tunai.

(e) Risiko Modal

Objektif KWAN dalam menguruskan modal adalah untuk melindungi keupayaannya dalam menjana pendapatan yang stabil dan berterusan. KWAN adalah tidak tertakluk kepada peraturan keperluan modal.

16. Nilai Saksama Aset dan Liabiliti

Nilai saksama Tunai dan Kesetaraan Tunai, Akaun Belum Terima dan Liabiliti-liabiliti Lain adalah merujuk kepada nilai bawaan berdasarkan tempoh matang yang singkat. Nilai saksama Aset Kewangan dan Emas adalah merujuk kepada harga tersiar dalam pasaran aktif.

Jadual di bawah menunjukkan nilai bawaan dan anggaran nilai saksama pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

KUMPULAN				
	Nilai Bawaan		Nilai Saksama	
	2016 RM'000	2015 RM'000	2016 RM'000	2015 RM'000
ASET				
Tunai dan Kesetaraan Tunai	2,027,544	3,032,691	2,027,544	3,032,691
Aset Kewangan	12,911,319	10,950,003	13,003,405	11,053,731
Emas	–	188,038	–	201,980
Akaun Belum Terima	3,757	5,478	3,757	5,478
Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu	1,480,050	1,345,212	1,480,050	1,345,212
	<u>16,422,670</u>	<u>15,521,422</u>	<u>16,514,756</u>	<u>15,639,092</u>
LIABILITI				
Liabiliti-liabiliti Lain	<u>11,272</u>	<u>7,720</u>	<u>11,272</u>	<u>7,720</u>
KWAN				
	Nilai Bawaan		Nilai Saksama	
	2016 RM'000	2015 RM'000	2016 RM'000	2015 RM'000
ASET				
Tunai dan Kesetaraan Tunai	2,027,544	3,032,691	2,027,544	3,032,691
Aset Kewangan	12,911,319	10,950,003	13,003,405	11,053,731
Emas	–	188,038	–	201,980
Akaun Belum Terima	29,989	5,478	29,989	5,478
Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu	440,000	440,000	440,000	440,000
	<u>15,408,852</u>	<u>14,616,210</u>	<u>15,500,938</u>	<u>14,733,880</u>
LIABILITI				
Liabiliti-liabiliti Lain	<u>11,272</u>	<u>7,720</u>	<u>11,272</u>	<u>7,720</u>

Nilai saksama aset dan liabiliti Kumpulan dan KWAN adalah berada pada nilai saksama Tahap 1 kecuali nilai saksama Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu yang berada pada Tahap 3.

Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong.